

KENYATAAN MEDIA

10 JANUARI 2023

Kuasa Perundangan dan Pengawalseliaan Aktiviti Pembekalan Gas di Sabah **Diserah kepada Negeri Sabah Bermula 10 Januari 2023**

PUTRAJAYA, 10 Januari – Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyerahkan kuasa perundangan dan pengawalseliaan pembekalan gas di Sabah kepada negeri Sabah, tiga (3) Perintah yang berikut telah diwartakan pada 4 Januari 2023 dan akan berkuatkuasa sepenuhnya pada 10 Januari 2023 bagi memberikan kuasa perundangan dan pengawalseliaan tersebut kepada negeri Sabah:

- (a) Perintah Negeri-Negeri Borneo (Kuasa-Kuasa Perundangan) (Pindaan) 2023 [P.U.(A) 2/2023] bagi memberikan kuasa perundangan kepada negeri Sabah berhubung dengan pembekalan gas;
- (b) Perintah Bekalan Gas (Penggantungan Kuat Kuasa Akta bagi Sabah) 2023 [P.U.(A) 3/2023] bagi menggantung pemakaian Akta Bekalan Gas 1993 [Akta 501] di negeri Sabah; dan
- (c) Perintah Suruhanjaya Tenaga (Penggantungan Kuat Kuasa Akta bagi Sabah) 2023 [P.U.(A) 4/2023] bagi menggantung pemakaian Akta Suruhanjaya Tenaga [Akta 610] di negeri Sabah.

Susulan daripada ketiga-tiga (3) Perintah yang akan berkuat kuasa pada 10 Januari 2023, kuasa perundangan dan pengawalseliaan berhubung dengan bekalan gas di Sabah di bawah Akta 501 dan Akta 610 tidak lagi tertakluk di bawah Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Kerajaan Persekutuan.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Kuasa perundangan dan pengawalseliaan tersebut diserahkan kepada negeri Sabah iaitu di bawah Suruhanjaya Tenaga Sabah.

Kuasa ST untuk mengawal selia aktiviti pembekalan gas dan menguatkuasakan undang-undang pembekalan gas merangkumi antaranya adalah pelesenan bagi pengimportan ke terminal penggasan semula, aktiviti penggasan semula, pengiriman, pengangkutan, pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas dalam pembekalan gas melalui talian paip dan perkara yang berkaitan, pembekalan gas pada harga yang munasabah, kawalan talian paip, pepasangan dan perkakas bekalan gas mengenai perkara yang berhubungan dengan keselamatan orang dalam pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

Dalam hal ini, kuasa perundangan dan pengawalseliaan aktiviti pembekalan gas di Sabah adalah tertakluk di bawah Enakmen Bekalan Gas 2023 dan Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023 bermula pada 10 Januari 2023.

Mana-mana pihak yang memerlukan penjelasan lebih lanjut bolehlah menghubungi pihak Suruhanjaya Tenaga Sabah melalui emel carelne@ecos.gov.my atau telefon di 088-205574 bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembekalan gas mengikut perundangan di Sabah.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.